



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 JUN 2024 (SELASA)

## Bela Lembu Berbaloi Banding Makan Gaji

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33	25 Jun

# Bela lembu berbaloi banding makan gaji

**MARANG:** Bermula dengan lima ekor lembu pada tahun 2018, seorang pemuda kini bergelar penternak berjaya apabila memiliki 43 ekor lembu pelbagai jenis termasuk lembu sado.

Aiman Asyraf Kamarudin, 33, berkata, dia terpanggil untuk menceburい bidang penternakan setelah mendapatinya penternak tempatan hanya mampu membekalkan kira-kira 30 peratus daripada keperluan bekalan daging negara manakala sebahagiannya diimport.

Menurutnya, dia nekad berhenti kerja sebagai penyelia projek di sebuah syarikat di Kuantan dan mengusahakan ternakan lembu fidlot di Kampung Tok Fakir, Merchang, di sini.

"Pada mulanya, kami membenarkan fokus kepada lembu baka Brahman dan selepas projek itu mendapat sambutan, saya mula menternak lembu sado pada 2022 dengan fokus mengeluarkan lembu pedaging baka Charolais dan Limousine.

"Alhamdulillah segala penat telah saya berbaloi apabila kini memiliki lapan ekor lembu sado baka Charolais dan Limousine serta 35 ekor lembu baka Brahman yang menjadi sumber rezeki saya pada masa sekang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bekas graduan Diploma Pembuatan, Kolej Universiti ATI (UC ATI) itu berkata, dia menubuhkan AIDEN Cattle Farm enam tahun lalu untuk



AIMAN Asyraf Kamarudin menunjukkan sebahagian daripada lembu yang diternak di Kampung Tok Fakir, Merchang, Marang, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

lebih serius dalam bidang penternakan dan jihad ekonomi untuk umat Islam.

Menurutnya, dia memberi makanan terbaik seperti jagung, silaj dan rumput segar selain pallet yang menjadi diet utama bagi memastikan daging lembu peliharaannya berkualiti.

"Alhamdulillah, tekstur dag-

ing itu terutama baka Charolais dan Limousine lebih berkualiti kerana kurang lemak, padat dan lebih lembut dan menjadi pilihan orang ramai untuk mendapatkan lembu ibadah korban," katanya.

Lebih mengujakan Aiman apabila dia terpilih sebagai calon Penternak Jaya 2024 Peringkat Daerah Marang oleh

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu di sini, baru-baru ini.

"Awal tahun ini AIDEN Cattle Farm turut mendapat pengiktirafan sebagai Kandang Bimbingan Jabatan Veterinar Negeri Terengganu," katanya yang tidak menyesal meninggal kerja makan gaji dengan menceburい bidang ternakan lembu.

## Curi Kerbau Guna MPV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	13	25 Jun

Tiga ekor ternakan ditinggal selepas kenderaan rosak

# Curi kerbau guna MPV

Oleh AZIZAH SHAFIEI

**BERA** — Kegiatan mencuri kerbau menggunakan kendaraan pelbagai guna (MPV) jenis Honda Odyssey terbongkar selepas kereta tersebut mengalami kerosakan dan ditinggalkan di Kampung Kuala Bera, di sini semalam.

Tiga ekor kerbau ditemui berada dalam kenderaan berkenaan.

Menurut seorang penduduk, Badry Husin, 50, berkata, kejadian itu disedari kira-kira pukul 3 pagi apabila seorang pemandu lori yang membawa muatan sawit keluar dari kampung berkenaan menghala ke kilang sawit berdekatan.

Katanya, pemandu itu perasan sebuah kereta memotong lorinya, tetapi tidak lama kemudian melihat kenderaan tersebut

berada dalam kedudukan melintang jalan.

"Dia tidak berani keluar sebab bimbang ia adalah salah satu takтик samun."

"Jadi dia masukkan maklumat itu dalam grup WhatsApp dan kebetulan masa itu saya baca. Saya terus ke lokasi. Apabila diperiksa, terdapat tiga ekor kerbau yang ditinggalkan di dalamnya," katanya di sini semalam.

Menurut Badry, berdasarkan pemeriksaan, kenderaan itu ditinggalkan berikutan mengalami kerosakan pada bahagian tayar kiri.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kuala Bera, Ahmad Al Shaari Mohamed berkata, ini bukan kejadian pertama berlaku di kampung

itu memandangkan kes kecurian lembu dan kerbau kerap terjadi.

"Sebelum ini, kes curi lembu atau kerbau, memang ada berlaku. Cuma tidak pernah lagi 'kanto' macam ini. Kereta ditinggalkan, haiwan curi pun masih ada dalam kereta berhimpit-himpit.

"Kejadian ni kita telah laporan kepada pihak polis," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bera, Superintenden Zulkiflee Nazir berkata, polis menerima makluman mengenai kejadian daripada penduduk kampung dan tiada laporan dibuat oleh pemilik kerbau berkenaan setakat ini.


Katanya, siasatan giat dilakukan termasuk mengesan suspek terlibat dan maklumat kenderaan yang digunakan.



KERBAU yang diletakkan dalam keadaan berhimpit ditinggalkan di dalam sebuah kendaraan yang mengalami kerosakan di Kampung Kuala Bera, Bera semalam.

## Sanggup Berhenti Kerja Ternak Lembu 'Sado'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	24	25 Jun



# Sanggup berhenti kerja ternak lembu 'sado'

Bekas penyelia syarikat telekomunikasi bekal daging berkualiti untuk ibadah korban

Oleh NORHASPIDA YATIM  
MARANG

Bermula dengan ternakan lembu secara kecil-kecilan, bekas penyelia sebuah syarikat telekomunikasi kini mampu meraih pulangan lumayan hasil ternakan lembu secara fidlot di Kampung Tok Fakir, Merchang di sini.

Walaupun sudah memiliki kerjaya tetap, namun Aiman Asyraf Kamarudin, 33, yang berasal dari Kampung Wakaf Mempelam nekad meninggalkan kerjayanya itu untuk bergelar penternak moden.

Graduan Diploma Pembuatan dari Kolej Universiti TATI (UC TATI) itu mula mengusahakan ternakan tersebut sejak 2018 menggunakan modal hasil perkongsian bersama keluarga.

"Saya mula memelihara lima ekor lembu di kawasan seluas setengah ekar. Ketika itu kami memberi fokus lembu baka Brahman sahaja.

"Selepas projek ternakan ini mendapat sambutan, saya mula menernak lembu 'sado' pada tahun 2022 dengan fokus pengeluaran lembu pedaging baka Charolais dan Limousine.

"Saya lihat usaha ini berbaloi dan kini memiliki lapan ekor lembu 'sado' daripada baka Charolais dan Limousine serta 35 ekor lembu baka Brahman yang menjadi sumber reze-



Aiman Asyraf memberi makanan berkualiti kepada lembu ternakan di ladangnya bagi menghasilkan daging yang bermutu.

ki," katanya ketika ditemui di sini pada Ahad.

Aiman Asyraf yang turut menubuhkan AIDEN Cattle Farm berkata, minat untuk mencebur ternak lembu fidlot turut didorong selepas mendapat sebahagian besar bekalan daging lembu di pasar-an tempatan datang dari luar negara.

Menurutnya, penternak tempatan hanya mampu membekalkan kira-kira 30 peratus sahaja daripada keperluan bekalan daging negara manakala selebihnya diimport dari luar Malaysia.

"Banyak sebab mendorong saya mencebur bidang ini dan saya juga tidak terkecuali menerima persepsi negatif daripada masyarakat sekeliling memandangkan saya sudah bekerja dan memiliki untuk berhenti serta menjadi penternak," ujarnya.

Katanya, lembu yang dternak di ladangnya istimewa kerana diberi makanan berkualiti seperti jagung, silaj dan rumput segar selain palet yang menjadi diet utama.

"Apabila diberi makanan yang berkualiti, tekstur daging terutama

daripada baka Charolais dan Limousine lebih bermutu kerana kurang lemak, padat dan lebih lembut.

"Sebab itulah kami sentiasa merancang tempahan awal daripada pelanggan yang ingin mendapatkan lembu untuk tujuan ibadah korban," ujarnya yang memiliki tiga pekerja.

Jelasnya, ternakan lembu secara fidlot lebih baik berbanding kaedah integrasi kerana ia ditempatkan di kandang sepanjang masa, mudah dikawal dan tidak merosakkan tanaman penduduk setempat.

Usaha gigih dalam bidang ternakan itu membolehkan Aiman dipilih sebagai calon Penterak Jaya 2024 Peringkat Daerah Marang dan syarikat miliknya, AIDEN Cattle Farm turut diliktir sebagai Kandang Bimbangan Jabatan Veterinar Negeri Terengganu.

Tambahnya, melalui program itu pihak jabatan akan memberi nasihat, memantau ternakan dan menyalurkan bantuan yang sesuai.

"Boleh dikatakan syarikat kami adalah pembekal utama lembu korban di sekitar daerah Marang," katanya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	25	25 Jun

# Sumbat tiga kerbau dalam Honda Odyssey


Haiwan ditemukan dalam keadaan tidak bermaya disyaki kesan ubat pelali

Oleh ROSILAWATI ROSEDI  
BERA

Misteri sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang ditinggalkan di tepi jalan di Kampung Bukit Serdang, Kuala Bera, di sini, terjawab apabila tiga kerbau disumbat ditemui dalam kenderaan mewah terbabit.

Ketua Polis Daerah Bera, Superintenden Zulkiflee Nazir berkata, pihaknya menerima laporan daripada orang ramai berkaitan penemuan kereta MPV jenis Honda Odyssey dalam keadaan mencurigakan kira-kira jam 3.20 pagi pada Isnin.

"Siasatan awal di lokasi kejadian berjaya mengesan MPV warna kelabu dan pemeriksaan lanjut



Kerbau dalam keadaan tidak bermaya dipercayai kesan ubat pelali dalam MPV.

menemukan tiga kerbau berada di bahagian tempat duduk penumpang.

"Haiwan ini dalam keadaan tidak bermaya disyaki kesan ubat pelali," katanya dalam satu kenyataan. Ujarnya, polis masih melakukan siasatan lanjut mengenai kejadian itu termasuk mengesan pemiliknya.

Haaa..nak bagi tahu,  
ada sesuatu yang  
**MENARIK**  
menanti anda  
**Julai ini!**

Kembalikan Nostalgia

Malaysian Idol

## Kes Baling Anak Kucing dirujuk ke Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	25	25 Jun



### Kes baling anak kucing dirujuk ke Veterinar

**PETALING JAYA** - Laporan berkaitan tindakan seorang pengawal keselamatan sebuah pusat beli-belah melempar anak kucing ke dalam longkang sudah dirujuk ke Jabatan Veterinar untuk tindakan lanjut. Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Jaafar berkata, pihaknya mengesan

satu video tular berdurasi satu minit 56 saat memaparkan insiden itu pada jam 9 malam, hari Sabtu. "Hasil semakan lanjut, polis mengesahkan ada menerima laporan berkaitan kes itu oleh seorang wanita berusia 52 tahun jam 11.30 pagi pada 18 Jun lalu.

"Pengadu menyatakan seorang

pengawal keselamatan melempar seekor anak kucing ke longkang. "Wanita itu kemudian meminta bantuan pekerja pembersihan stesen televisyen mengambil anak kucing berkenaan dan membawa ke klinik haiwan untuk rawatan," katanya menerusi satu kenyataan pada Isnin.

## Aiman Pilih Ceburi Ternakan Lembu Secara Fidlot Walaupun Miliki Diploma Pembuatan

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
Astro Awani	Beranama	Online	25 Jun



Aiman berkata beliau terfikir untuk mencuba bidang ternakan lembu fidlot selepas mendapati sebahagian besar bekalan daging lembu di pasaran tempatan datang dari negara luar. - Gambar Bernama

MARANG: Minat mendalam terhadap bidang perniagaan dan pertanian mendorong pemegang Diploma Pembuatan, Kolej Universiti TATI (UC TATI), Aiman Asyraf Kamarudin, 33, mengusahakan ternakan lembu secara fidlot.

Walaupun sudah memiliki kerja tetap sebagai penyelia projek di sebuah syarikat telekomunikasi, anak muda yang berasal dari Kampung Wakaf Mempelam, di sini nekad meninggalkan kerjayanya enam tahun lepas untuk bergelar penternak moden.

Keputusannya itu mendapat sokongan daripada kaum keluarga yang sentiasa memberikan galakan daripada aspek kewangan dan moral.

Mengimbas ketika awal pembabitan, Aiman Asyraf berkata, beliau terfikir untuk mencuba bidang ternakan lembu fidlot selepas mendapati sebahagian besar bekalan daging lembu di pasaran tempatan datang dari negara luar.

"Saya bermula dengan lima ekor lembu sahaja di

kawasan seluas setengah ekar di Kampung Tok Fakir, Mercang. Ketika itu banyak persepsi serta pandangan negatif diterima daripada masyarakat sekeliling.

"Namun semua kata-kata itu tidak melemahkan semangat saya. Daripada lima ekor lembu, saya berusaha keras dengan menubuhkan AIDEN Cattle Farm yang kini mempunyai lebih 40 ekor lembu dari baka Brahman, Charolais dan Limousine," katanya ketika ditemui di ladang Kampung Tok Fakir, Mercang, semalam.

Mengulas lanjut, Aiman Asyraf berkata, lembu yang diternak di ladangnya agak istimewa kerana diberi makanan berkualiti seperti jagung, silaj dan rumput segar selain pallet yang menjadi diet utama.

Beliau berkata, hasilnya, tekstur daging haiwan berkenaan terutama daripada baka Charolais dan Limousine lebih bermutu kerana kurang lemak, padat dan lebih lembut.

Berikutan itu setiap tahun beliau sentiasa menerima banyak tempahan awal daripada pelanggan yang ingin mendapatkan lembu untuk tujuan ibadah korban.

"Boleh dikatakan syarikat kami adalah pembekal utama

lembu korban di sekitar daerah Marang. Menurut pelanggan, lembu 'sado' (baka Charolais dan Limousine) di ladang kami lebih baik berbanding jenis sama yang dibeli dari penternak lain," katanya.

Aiman Asyraf berkata, selepas enam tahun beroperasi, beliau kini memiliki tiga pekerja yang membantu menjalankan tugas rutin seperti memberi makanan ternakan serta membersih kandang.

Beliau turut dibantu adik perempuannya, Nur Syahirah Sufiah Kamarudin, 27, yang menguruskan urusan pentadbiran, kewangan dan pemasaran.

Beliau juga sering mengikuti kursus-kursus berkaitan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan bagi memajukan bidang ternakan di samping membina jaringan perniagaan, dan berkat kesungguhannya itu, beliau terpilih sebagai calon Penternak Jaya 2024 Peringkat Daerah Marang oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu.

"Awal tahun ini AIDEN Cattle Farm turut mendapat pengiktirafan sebagai Kandang Bimbingan Jabatan Veterinar Negeri Terengganu. Melalui program ini, pihak jabatan akan memberi

khidmat nasihat, memantau perkembangan ternakan dan menyalurkan bantuan yang sesuai dari semasa ke semasa," katanya.

Tidak terhenti di situ sahaja, Aiman Asyraf berkata, Jabatan Veterinar juga berusaha membantu syarikatnya mendapatkan kawasan padang ragut untuk meningkatkan jumlah ternakan pada masa hadapan.

Beliau berkata ternakan lembu secara fidlot lebih baik berbanding kaedah integrasi kerana ia ditempatkan di kandang sepanjang masa, mudah dikawal dan tidak merosakkan tanaman penduduk setempat.--

**BERNAMA**

## Baling Anak Kucing, Kes Dirujuk Ke Jabatan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	24 Jun



Video tular memaparkan seekor anak kucing di lempar ke dalam longkang.

PETALING JAYA - Laporan berkaitan tindakan seorang pengawal keselamatan sebuah pusat beli-belah di sini yang melempar anak kucing ke dalam longkang telah dirujuk ke Jabatan Veterinar untuk tindakan lanjut.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar berkata, pihaknya telah memanggil pengawal keselamatan yang terlibat dan memberi amaran keras.

"Kita telah terkesan satu video tular berdurasi satu minit 56

saat yang dimuat naik oleh seorang pemilik akaun TikTok Suziey Signature yang memaparkan insiden itu pada jam 9 malam, Sabtu," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Shahrulnizam berkata, semakan lanjut, pihaknya telah menerima laporan berkaitan kes itu daripada seorang wanita yang juga pegawai kanan sebuah stesen televisyen berusia 52 tahun pada jam 11.30 pagi, 18 Jun lalu.

"Wanita itu kemudian telah

meminta bantuan daripada pekerja pembersihan stesen televisyen itu untuk mengambil anak kucing dan membawa ke klinik haiwan untuk rawatan," katanya.

Beliau berkata, wanita itu membuat laporan kerana mahu polis memberikan amaran kepada individu yang terlibat untuk tidak melakukan perbuatan buruk kepada kucing lain pada masa akan datang.

"Orang ramai dinasihatkan supaya mematuhi peraturan dan tidak terlibat dengan sebarang pelanggaran undang-undang.

"Orang ramai juga yang mempunyai maklumat berkenaan perlakuan jenayah boleh menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya di talian 03-7966 2222 atau mana-mana balai polis berdekatan," katanya.

Video tular tersebut turut memaparkan keadaan anak kucing yang dinamakan sebagai Larkie itu merosot dan semakin lemah, akhirnya telah mati pada Jumaat lalu.-

**SINARHARIAN**

## Kes Pengawal Keselamatan Lempar Anak Kucing Dirujuk Ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Berita	Online	24 Jun



Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Shahrulnizam Ja'afar-fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Polis telah merujuk kertas siasatan kes pengawal keselamatan sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya yang dipercayai melempar seekor anak kucing ke dalam parit kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tindakan lanjut.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Shahrulnizam Ja'afar dalam kenyataan berkata bihaknya telah menjalankan siasatan dengan memanggil pengawal keselamatan terlibat.

Beliau berkata polis menerima laporan pada 18 Jun lepas

daripada seorang wanita yang mendakwa melihat pengawal tersebut melempar kucing berkenaan sebelum memohon bantuan pekerja pembersihan untuk menyelamatkan haiwan itu.

Menurutnya wanita berusia 52 tahun yang merupakan Eksekutif Kanan Bahagian Operasi sebuah syarikat penyiaran itu kemudian membawa kucing berkenaan ke klinik haiwan.

“Dia membuat laporan kerana bimbang akan keselamatan kucing lain di

kemudian hari," katanya.

Sebuah video berdurasi satu minit 56 saat mengenai kejadian itu turut tular di media sosial.-[THE SUN](#)

## Campak Kucing: Pengawal Keselamatan Sudah Dipanggil, Diberi Amaran Keras

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	24 Jun



KEADAAN anak kucing yang didakwa dicampak yang akhirnya maut ditemui oleh pasangan suami isteri.  
Tangkap Layar video tular

Petaling Jaya: Polis mengesahkan menerima laporan berhubung tindakan seorang pengawal keselamatan yang didakwa mencampak kucing ke dalam longkang berhampiran sebuah pusat beli-belah di sini, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar berkata, laporan dibuat oleh seorang wanita berusia 52 tahun pada 11.30 pagi, 18 Januari lalu.

Beliau berkata, pengadu yang juga pegawai kanan sebuah

stesen televisyen mengatakan melihat seorang pengawal keselamatan mencampak seekor kucing ke dalam longkang di belakang pejabatnya.

"Pengadu meminta bantuan daripada pekerja pembersihan untuk mengambil anak kucing terbabit dan dibawa ke sebuah klinik veterinar di Mutiara Damansara untuk rawatan.

"Pengadu turut membuat laporan untuk bantuan polis

memberikan amaran kepada individu terbabit supaya tidak melakukan perbuatan buruk kepada kucing lain," katanya dalam kenyataan hari ini.

Bertindak atas laporan, Shahrulnizam berkata, polis yang menjalankan siasatan memanggil pengawal keselamatan terbabit dan memberi amaran keras.

Katanya, laporan kes itu turut dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tindakan lanjut.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai perlakuan jenayah untuk menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di talian 03-79662222 atau mana-mana balai polis berdekatan.

Terdahulu, tular di media sosial satu rakaman video menunjukkan seekor anak kucing di tepi longkang diselamatkan beberapa individu.

Rakaman berdurasi satu minit 56 saat itu meruntun hati ramai orang apabila pemilik video menunjukkan perjalanan proses rawatan anak kucing terbabit di sebuah klinik sehingga akhirnya ia mati.-[MYMETRO](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR